

SOALAN NO.: 17

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATO' OTHMAN BIN AZIZ
KAWASAN : JERLUN

SOALAN:

YB. YB. DATO' OTHMAN BIN AZIZ (JERLUN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bentuk kajian yang telah dijalankan bagi membangunkan teknologi jalan raya lebuh raya yang mesra pemanduan agar mampu mengurangkan kadar kematian akibat nahas jalan raya yang semakin membimbangkan kebelakangan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan dengan kerjasama syarikat-syarikat konsesi telah melaksanakan beberapa penambahbaikan keselamatan melibatkan skop mitigasi atau mengurangkan risiko kemalangan, iaitu seperti berikut:

1. Meluaskan penggunaan teknologi-teknologi baharu turapan jalan seperti mengguna pakai turapan jenis ‘Stone Mastic Asphalt’ (SMA) di mana saiz batu agregatnya adalah lebih kecil berbanding turapan jenis konvensional, ‘Asphaltic Concrete Wearing Coarse’ (ACWC);
2. Menaik taraf rel pengadang di kawasan kerap kemalangan (‘blackspots’), iaitu daripada 4 meter jarak antara tiang kepada 2 meter jarak antara tiang;
3. Meluaskan program pemasangan lampu jalan di laluan berisiko kemalangan (arah kedua-dua hala), seperti di Gua Tempurong dan Terowong Menora (PLUS);
4. Pemasangan ‘road stud’ dan ‘chevron’ di kawasan-kawasan berselekok;
5. Pemasangan ‘reflective sticker’ berkualiti tinggi di tiang-tiang rel pengadang untuk meningkatkan jarak penglihatan dan ‘delineation’ pada waktu malam;
6. Pemasangan papan tanda amaran dan peringatan had laju; dan

7. Pemasangan ‘high performance road marking’ dan penanda jalan dari jenis ‘vibra-line’.

Di samping itu, usaha dan pemantauan untuk mengurangkan kemalangan di lebuh raya juga dilaksanakan menerusi kaedah seperti berikut:

1. Pelantikan juru perunding keselamatan oleh pihak konsesi untuk melaksanakan audit keselamatan jalan di sepanjang lebuh raya berkenaan;
2. Kempen-kempen kesedaran tentang aspek keselamatan lebuh raya dengan kerjasama agensi Kerajaan berkaitan;
3. LLM sebagai agensi kawal selia lebuh raya akan memastikan semua kerja penyelenggaraan lebuh raya dilaksanakan mengikut tempoh masa dan piawaian yang ditetapkan; dan
4. Penetapan Indeks Prestasi Utama (KPI) kementerian ini untuk mengurangkan kes kemalangan di jalan persekutuan dan lebuh raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan dan langkah intervensi yang bersesuaian akan terus dilaksanakan oleh kementerian ini daripada semasa ke semasa bagi tujuan meminimumkan risiko kemalangan di lebuh raya negara ini.

Sekian, terima kasih.